

MAHATHIR-SIAPGUNA

1984

KUALA LUMPUR, 3 MEI (BERNAMA) -- DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD KAGUM DENGAN KOMPLEKS DAYABUMI YANG DAPAT DISIAPKAN DALAM MASA 22 BULAN DENGAN MENGGUNAKAN SISTEM SIAPGUNA DAN BERHARAP PEMBINAAN BANGUNAN-BANGUNAN LA INDI NEGARA INI PADA MASA DEPAN JUGA AKAN MENGGUNAKAN SISTEM ITU.

PERDANA MENTERI BERKATA KOMPLEKS DAYABUMI YANG MERUPAKAN PROJEK SIAPGUNA TERBESAR DALAM BIDANG BINAAN TELAH DAPAT DISIAPKAN 22 BULAN LEBIH AWAL DAN DAPAT MENYELAMATKAN PENDAPATAN KIRA-KIRA \$50.6 JUTA.

BELIAU TIDAK MAHU LAGI MELIHAT KERUGIAN DIALAMI KERANA MENGIKUT "SISTEM LAMA" YANG MENGGUNAKAN PERUNDING DAN KONTRAK-KONTRAK YANG DIPECAHKAN.

KERUGIAN DALAM PEMBINAAN DERMAGA PELABUHAN KUANTAN IALAH HAMP IR \$200 JUTA TANPA MENGAMBIL KIRA PENDAPATAN YANG HILANG OLEH KERANA KELEWATAN PEMBINAANYA SELAMA EMPAT TAHUN; KATANYA SEMASA MERASMIKAN FASA TIGA PROJEK DAYABUMI SETINGGI 36 TINGKAT BERTHARGA \$313 JUTA DI JALAN SULTAN HISHAMUDDIN DI SINI.

"PAKAR PERUNDING DERMAGA ITU JUGA HILANG GHAIB SAMA SEKALI. DERMAGA PASIRGUDANG PULAMENGALAMINASIB YANG SAMA DIMANA KERAJAAN KERUGIAN PULUHAN JUTA RINGGIT." -- LAGI 1400/WS  
ICIC 8343

MAHATHIR-SIAPGUNA 2 KUALA LUMPUR

PERDANA MENTERI BERPENDAPAT NEGARA PERLU MENCUBA SISTEM SIAPGUNA MEMANDANGKAN ADA PROJEK YANG TERLEWAT LEBIH 10 TAHUN KERANA BERACAM-MACAM SEBAB.

KATANYA, DENGAN SIPANYA KOMPLEKS DAYABUMI MENGIKUT JADUAL, BANGUNAN ITU DAPAT DISEWAKAN DENGAN LEBIH AWAL DENGAN KUTIPAN SEWA DIANGGARKAN KIRA-KIRA \$2.3 JUTA SEBULAN.

BIASANYA BANGUNAN SEPERTI ITU AKAN MENGAMBIL MASA EMPAT TAHUN UNTUK DIBINA DAN INI BERMAKNA KERUGIAN SEWA SEBANYAK 22 BULAN.

BELIAU JUGA MENYEBUTKAN BEBERAPA REKOD YANG DICATATKAN OLEH DAYABUMI IAITU:

- +PENGUNAAN SISTEM RANGKA KELULU DAN BUKAN KONKRIT YANG DIPERKUATKAN, YANG SEBELUM INI TIDAK PERMAH DIGUNAKAN DI NEGARA INI.
- +PENGUNAAN JARING DAN LAIN-LAIN ALAT KESELAMATAN YANG KEMAS UNTUK KESELAMATAN PEKERJA YANG TIDAK DIGUNAKAN OLEH BANGUNAN LAIN DAN
- +PERUNTUKAN LUAR JANGKAAN SEBANYAK \$20 JUTA TIDAK DIGUNAKAN OLEH KONTRAKTOR DAN AKAN DIPULANGKAN BALIK KEPADA UDA SELAKU PEMILIK BANGUNAN.

DATUK SERI DR. MAHATHIR MENYARANKAN UDA MENGARANG SEBUAH BUKU UNTUK MENYENARAikan MASALAH DAN LIKU-LIKU YANG DIHADAPI DAN BAGAIMANA SEMUANYA DIATASI UNTUK DIJADIKAN PANDUAN KEPADA SEMUA YANG INGIN TAHU CARA PENGURUSAN PROJEK UNTUK PROJEK SEBESAR INI.

-- BERNAMA 1407/WS